

Headline	Program JBD tawar penjimatan hingga 20 peratus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	68	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	376 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,911
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,733



Program JBD tawar penjimatan hingga 20 peratus

[FOTO AMIRUDIN SAHIB/BH]



Ahmad (tengah) melawat tapak jualan selepas pelancaran JBD dan Farmers Market di UniKL, Kuala Lumpur, semalam.

Kuala Lumpur: Program Jimat Belanja Dapur (JBD) membolehkan orang ramai memperoleh penjimatan harga sehingga 20 peratus bagi barangan komoditi, berbanding pasar awam.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak, berkata program anjuran FAMA itu adalah langkah kerajaan untuk menangani kos sara hidup yang semakin meningkat.

Beliau berkata, program itu yang dijalankan di pasar tani di seluruh negara juga bertujuan mendidik rakyat untuk berbelanja secara berhemah.

"Dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, nilai jualan menerusi program JBD mencecah RM4 juta, membabitkan 1,000 pasar tani di seluruh negara, termasuk Agro Bazar Kedai Rakyat

dan Agro Bazar 1Malaysia.

"Menerusi program ini, pembeli dapat penjimatan harga antara lima peratus hingga 20 peratus, berbanding harga di pasar awam.

Barang keperluan harian

"Kebanyakan jualan adalah barangan keperluan harian seperti ayam, kentang, bawang dan telur," katanya selepas pelancaran JBD dan Farmers Market di pekarangan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah FAMA Wilayah Persekutuan, Radzuan Md Noor dan Timbalan Presiden UniKL, Prof Datuk Dr Azanam Shah Hashim.

Ahmad berkata, pihaknya menasaskan hasil jualan pasar tani akan meningkat kira-kira RM150 juta pada tahun ini, selepas mengadakan program JBD.

**Fakta
nombor**

**RM150
JUTA**

Sasaran hasil jualan pasar tani tahun ini selepas pelancaran JBD